

FALSAFAH PENDIDIKAN SMITA

IN SYAA ALLAH SMITA KOMITED BAGI MENYEDIAKAN ASAS PEMBELAJARAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN SEORANG PELAJAR. SMITA MENYEDIAKAN SUASANA PENDIDIKAN BERINTEGRASI DAN SEIMBANG YANG MENYUBURKAN PERCUBAAN, PENEROKAAN, SEMANGAT INGIN TAHU SERTA PEMBINAAN JIWA DAN DENGAN ITU MENANAM KECINTAAN KEPADA ILMU.



SETIAP PELAJAR ADALAH UNIK DARIPADA SEGI JASMANI, EMOSI, ROHANI, INTELEK SERTA SOSIAL DAN SMITA BERUSAHA SEDAYA UPAYA MEMBOLEHKANNYA MEMAJUKAN SELURUH POTENSINYA.



SMITA BERSUNGGUH-SUNGGUH MENANAMKAN DALAM SETIAP PELAJAR TENTANG KEFAHAMAN YANG SEBENAR MENGENAI ISLAM BERDASARKAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH AN-NABAWIYAH SERTA MEMBIMBINGNYA MENGAMALKAN AJARAN – AJARAN ISLAM DALAM HIDUP SEHARIANNYA.



PENDEKATAN PENGAJARAN BERSEPADU
SMITA DIREKABENTUK BAGI
MENGHASILKAN MUSLIM KAMIL YANG
SAMBIL MENGENALI DAN
MENGHORMATI KEPELBAGAIAN
BUDAYA DAN AGAMA SERTA
PERBEZAAN PENDAPAT, PELAJAR SMITA
AKAN SENTIASA BERDAKWAH DAN GIAT
DALAM PEMBANGUNAN UMMAH DAN
REFORMASI MASYARAKAT.



SMITA PEKA BAHAWA PENDIDIKAN
ADALAH KERJASAMA ANTARA GURU,
IBU BAPA SERTA MASYARAKAT DAN
BERUSAHA MENGGEMBLENG PERANAN
MASING – MASING. SMITA JUGA SEDAR
BAHAWA PEMBELAJARAN ADALAH
SUATU PROSES SEUMUR HIDUP DAN
BERUSAHA MENYEDIAKAN PELAJAR
UNTUK PERJALANAN YANG JAUH ITU.

